

22/10/1997

Bukit Bintang semakin bersih

KUALA LUMPUR, Selasa - Bukit Bintang, kawasan membeli-belah terkenal di ibu negara yang imejnya pernah dicemari sampah-sarap beberapa bulan lalu, kini kembali pulih.

Tinjauan di kawasan itu hari ini mendapati walaupun tahap kebersihan semakin baik, ia belum boleh disifatkan mencapai tahap 100 peratus kerana masih ada sampah-sarap yang tersorok di dalam longkang atau lorong belakang bangunan.

Apa yang pasti, Jalan Bukit Bintang kini menjadi keutamaan kepada Alam Flora Sdn Bhd, syarikat yang bertanggungjawab membersihkan persekitaran ibu negara sekarang.

Kualiti kebersihan sekarang boleh dikatakan bertitik tolak selepas teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ogos lalu, dan langkah penguatkuasaan yang lebih tegas.

Bagaimanapun, persoalannya sampai bila tahap kebersihan itu dapat dikekalkan jika sikap orang ramai tidak pernah berubah.

Ahli Parlimen Bukit Bintang, Dr Lee Chong Meng, mengakui tahap kebersihan di kawasan itu ketika ini adalah lebih baik berbanding dua bulan lalu.

Menurutnya, formula 2P iaitu pendidikan dan penguatkuasaan adalah langkah paling berkesan untuk menangani masalah kebersihan dan memupuk kesedaran sivik orang ramai terhadap tanggungjawab memastikan keindahan bandar raya.

"Formula 2P yang dilaksanakan sekarang lebih berkesan jika pembabitkan menyeluruh warga kota serta sikap prihatin untuk melihat ibu kota sentiasa bersih dan indah.

"Tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenakan hukuman maksimum terhadap kesalahan membuang sampah dan penguatkuasaan yang lebih kerap perlu dilaksanakan berterusan," katanya di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya penguatkuasaan yang lebih tegas dijalankan setiap masa, terutama pada waktu malam iaitu ketika remaja yang gemar melepak di sekitar kawasan Bukit Bintang.

Dr Lee juga meminta pengusaha kedai makanan segera dan kedai 24 jam di bandar raya menyediakan lebih banyak tong sampah di hadapan premis perniagaan mereka untuk membantu mengatasi masalah kekotoran.

Pemilik premis terbabit, katanya, perlu menyediakan kemudahan itu di luar kedai mereka kerana ramai remaja dikesan gemar melepak di hadapan kedai itu.

"Ramai remaja suka duduk dan melepak di hadapan kedai 24 jam, terutama di kawasan Bukit Bintang pada waktu malam sambil menikmati makanan ringan.

"Golongan ini dipercayai gemar membiarkan sampah di atas jalan tanpa dibuang ke tempat yang sepatutnya," katanya.

Menurutnya, amalan itu adalah serius dan mesti segera diatasi.

(END)